

MENJELANG SUKAN SEA 89/ Pendekar kita cemerlang tapi...

PESAKA PERLU UBAH SIKAP

Oleh MOHD RAHIME YUSOFF

KEJAYAAN Malaysia menduduki tangga kedua dalam Kejayaan Silat Sedunia Keempat berakhir kelmarin boleh dianggap permulaan yang baik untuk menguasai acara silat bagi menghadapi cabaran Sukan SEA di Kuala Lumpur 1989.

Bagaimanapun, Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka) perlu menyusun rancangan awal lebih sistematik di samping memperkemaskan pentadbirannya untuk memastikan pesilat yang benar-benar berkeupayaan mewakili negara.

Pesilat kebangsaan memenangi tiga emas, empat perak dan 12 gangsa dalam kejayaan itu tetapi ini belum memadamkan pencapaian cemerlang dalam Sukan SEA apabila Malaysia menjadi tuan rumah dua tahun lagi.

Tiga pingat emas diperolehi menerusi Ahmad Wardi, Wan Aminuddin Baki Abu bakar dan Ahmad Fauzi Othman yang masing-masing menumpaskan Faudilah M Ahani dari Brunei, Jar-koni (Indonesia) dan Koldo Auzmendi Iturrate (Sepanyol).

Persembahan pencak silat agresif Wan Aminuddin Baki Abu Bakar dalam Kelas G kejayaan dunia harus menjadi contoh kepada pesilat-pesilat kebangsaan yang lain dan Pesaka perlu menerima hakikat, persiapan jangka panjang lebih awal perlu untuk menjamin kecemerlangan dalam Sukan SEA nanti.

Masalah utama yang mungkin dihadapi Pesaka ialah menyatukan 224 perguruan silat di negara ini. Tetapi, masalah ini tidak seharusnya menjadi halangan meneruskan usaha penyatuan untuk mengengahkan pesilat-pesilat berkeupayaan.

Kesungguhan jelas dilihat ketika pesilat negara berusaha mencatat kemenangan tetapi Wan Aminuddin ternyata lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan dalam Kejayaan Silat Sedunia lalu.

Kelemahan ketara pula ialah dalam bahagian **Berita Hari** perlu diatasi mulai sekarang agar tidak berujung di Sukan SEA 1989.

Hanya dua muka baru, Normala Yaakob dan Masliza Abu Bakar menunjukkan kematangan untuk merangkul pingat perak. Kedua-keduanya memerlukan bimbingan berterusan jika ingin meningkatkan pencapaian negara.

Sebaliknya, Indonesia ternyata mempunyai harapan kukuh daripada pesilat-pesilat wanita mereka seperti Rina Widayanti, Tri Wahyuni, Nuryani Hamid, Dewi Yanti dan Ni Made Wahyuni yang memenangi lebih pingat emas dalam kejayaan dunia lalu.

Malaysia perlu mencontohi Indonesia dalam rancangan memilih pesilat kebangsaan. Kerjasama erat keseluruhan perguruan silat di Indonesia ternyata memudahkan lagi persiapan mereka menghadapi satu-satu kejayaan.

Di segi silat olahraga, kekalahan pesilat tidak menggambarkan kelemahan satu-satu perguruan tetapi ia sebenarnya adalah kelemahan daripada pesilat yang mengambil bahagian.

Kejayaan dunia berakhir kelmarin juga menunjukkan silat sudah diterima oleh masyarakat Barat. Kejayaan Koldo Auzmendi dari Sepanyol memenangi anugerah Pesilat Harapan Dunia 1987 membuktikan Barat sudah mula menghayati silat.

Marcel Copini dari Belanda yang pernah memenangi anugerah Pesilat Harapan Kejayaan Dunia di Vienna, Austria turut mengayatkan kecemerlangannya menumpaskan Sarmo dari Indonesia. **Berita Hari**

Persembahan pencak silat yang ditunjukkan oleh pesilat Sepanyol, Belanda, Surinam, Amerika Syarikat, Perancis, Jerman Barat dan Britain mempersonakan masyarakat tempatan.

Kejayaan yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Pesaka, Persilat serta Berita Hari Sdn Bhd berjaya menarik lebih 15,000 penonton ketika perlawanan akhir. Malah sepanjang kejayaan lebih 7,000 datang memberikan sokongan.